

Di saat negara digemparkan dengan puluhan laporan kes pembuangan bayi, hati Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam terdetik.

Tidak sekadar hanya mahu mengutuk tindakan si pembuang dan pembunuh darah daging sendiri, naluri ayahnya bertindak lebih jauh dengan membayangkan menyediakan tempat perlindungan untuk remaja terlanjur ini.

Tujuannya agar mereka boleh meneruskan kehidupan tanpa meninggalkan keperluan intelek demi masa depan mereka dan tentunya untuk si anak yang tidak berdosa.

Lalu di celah pelbagai cadangan yang dikemukakan termasuklah hukuman mati kepada pembunuh bayi, terluncur cadangan penubuhan Sekolah Khas Pelajar Hamil yang kini dikenali sebagai Sekolah Harapan.

Sehingga artikel ini ditulis, terdapat 10 pelajar tenang meneruskan pelajaran di Sekolah Harapan dengan azam tersemat di dada, hidup perlu diteruskan berbekalkan pengalaman lalu yang pastinya tidak akan berulang.

agama termasuk Islam, apatah lagi cadangan itu turut dipersetujui Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) menerusi mesyuarat jawatankuasanya, selain beberapa badan politik dan badan bukan kerajaan (NGO) di negeri ini.

"Saya mencadangkan perkara ini bukan secara suka-suka tetapi berdasarkan pandangan banyak pihak menerusi rumusan setiap seminar menangani gejala sosial sebelum ini.

"Tiada jalan penyelesaian yang boleh dibuat, sekali gus menyelesaikan masalah ini sehinggalah Kerajaan Negeri mencadangkan perkara ini.

"Jika dilaksanakan kelak, sekolah ini dapat membantu golongan gadis terabit sepanjang tempoh mereka mengandung, selain mengelakkan timbul prasangka negatif masyarakat terhadap mereka," katanya.

Mengikut statistik, Mohd Ali berkata, kes rogol yang berlaku di negeri ini sepanjang tahun lalu adalah 112 kes, sementara tempoh antara Januari hingga Jun tahun ini pula sebanyak 40 kes.

Menurutnya, kes pembuangan bayi pula direkodkan satu kes



● SAIMAH HIRAM

sahaja, seramai 3,119 anak tidak sah taraf direkodkan sejak 2007 hingga 2009 dengan 1,753 daripadanya adalah bangsa Melayu.

Sementara, Cina (385 kes), India (501 kes) dan lain-lain bangsa sebanyak 480 kes.

Melalui penjelasan Kerajaan Negeri melalui perangkaan Jabatan Pendaftaran Negara, seramai 214,033 kelahiran anak tidak sah taraf dicatatkan bermula 2005 hingga 2009 di seluruh negara.

Amat membimbangkan apabila 74,723 kes daripada jumlah itu membabitkan bangsa Melayu dan pada 2009, jumlah

Sekolah Harapan: Impian dan harapan



● Sekolah Harapan iaitu sekolah khas untuk pelajar hamil yang terletak di Jalan Pegawai, di sini hari ini.

Umi, ibu teman setia

Penyelia dan lima kakitangan di Sekolah Harapan dianggap sebagai keluarga tempat meluahkan segala kekesalan ketika kelas Pembinaan Sahsiah Diri yang diadakan setiap pagi sebelum kelas pembelajaran bermula pada sebelah petang.

Saimah yang dipanggil 'Umi' oleh pelajar berkata, setiap kali tazkirah diberikan, air mata mereka gugur menyesali kesilapan yang dilakukan.

"Itu yang kita mahu. Keinsafan dan tidak lagi mengulangnya pada masa hadapan. Kebanyakan pelajar begitu menginsafi apa yang telah mereka lakukan dan

Saimah berkata, mereka yang bersalin akan tinggal di Sekolah Harapan sehingga habis berpantang sebelum diambil semula oleh ibu bapa mereka.

"Setakat ini Sekolah Harapan dibiayai sepenuhnya oleh Jabatan Agama Islam Melaka (Jaim) dengan kos RM500,000 setahun.

"Ibu bapa yang menghantar anak mereka tidak dikenakan sebarang bayaran dengan syarat anak mereka rela dimasukkan ke sekolah ini," katanya.

'Harapan kedua kami'

Bagi pelajar yang hanya mahu dikenali sebagai Lin, memasuki Sekolah Harapan adalah perkara

16 September catat sejarah

Berdepan pelbagai reaksi yang kebanyakannya menentang penubuhan Sekolah Harapan, tarikh 16 September 2010 mencatat sejarah sekolah pertama yang ditubuhkan untuk pelajar hamil di negara ini.

Memetik kata-kata Mohd Ali ketika cadangan itu diperlekehkan banyak pihak termasuk ketiadaan sokongan daripada Kementerian Pelajaran sendiri, katanya, tiada salahnya jika sekolah itu diwujudkan di negeri ini kerana ia bertujuan baik dan digalakkan semua

sepanjang tahun lalu dan tiga kes sehingga Jun tahun ini.

"Peningkatan kes pembuangan bayi amat membimbangkan. Puncanya adalah kerana gadis yang hamil luar nikah malu dan takut untuk berterus-terang dengan keluarga kerana mereka sudah tentu dimarahi atau dipinggirkan.

"Akhirnya, gadis ini terpaksa melahirkan bayi di tempat tersembunyi dan disebabkan takut diketahui, anak yang dilahirkan dibuang. Kita tidak mahu ia berlaku, sebab itu mahu menubuhkan Sekolah Harapan bagi membantu mereka," katanya. Sebagai makluman, di Melaka

Melaka pada tahun 2009, jumlah kelahiran anak luar nikah dicatatkan seramai 17,303, juga membabitkan bangsa Melayu.

Dengan mendaftarnya 10 pelajar di sekolah berkenaan, ia jelas menunjukkan betapa perlunya Sekolah Harapan dan betapa hasrat murni Kerajaan Negeri yang disambut baik sebagai alternatif kepada remaja serta ibu bapa demi memastikan kesilapan yang berlaku berakhir dengan kebaikan.

Sementara itu, penyelia Sekolah Harapan, Saimah Hiram berkata, setakat ini hanya dua pelajar dari Melaka yang mendaftar, selebihnya dari luar Melaka iaitu Pahang, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur dan Selangor.

"Setakat ini berdasarkan keadaan rumah mempunyai ruang terhad, hanya 10 pelajar dapat diterima walaupun terdapat lebih banyak permohonan.

"Sehingga bangunan berhampiran siap dibina untuk tempat tinggal mereka, maka sekolah ini hanya menerima 10 pelajar demi memastikan keselesaan mereka terjamin. Dijangkakan jika bangunan baru siap, kita boleh menampung sehingga 40 pelajar," katanya.

yang telah mereka lakukan dan bersyukur ada ruang untuk meneruskan kehidupan tanpa berselindung dan rasa malu.

"Mereka semua sama di sini dan yang lebih penting, kebanyakan mereka merancang untuk berkahwin selepas sahaja habis pantang bersalin dan mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)," katanya.

Menurutnya, hanya ada dua pelajar berumur 18 dan 20 tahun yang tidak lagi bersekolah dan baki lapan lagi akan mengambil SPM hujung tahun ini.

"Pelajar nampaknya bersemangat meneruskan pelajaran walaupun berdepan tanggungjawab untuk mendidik anak mereka nanti," katanya.

Menurutnya, lima lagi kakitangan lain ditugaskan bergilir-gilir memantau perkembangan dan jadual pelajar di Sekolah Harapan.

"Dari segi pembelajaran dan kesihatan, mereka sentiasa diberi nasihat terbaik, malah kakitangan hospital serta klinik berhampiran sentiasa datang memeriksa kandungan mereka.

"Seorang pelajar sudah pun bersalin pada 4 Oktober lalu dan yang lain mempunyai kandungan bermula enam hingga tujuh bulan," katanya.

Sekolah Harapan adalah perkara terbaik yang dilakukan.

"Saya hamil disebabkan hubungan bebas dengan teman lelaki. Apabila hamil saya buntu dan ibu bapa tidak lagi mempedulikan saya. Mujurlah ada ibu saudara yang menguruskan kemasukan saya ke sini.

"Sekarang saya tekad untuk berubah dan akan meneruskan pelajaran sehingga berjaya mencapai cita-cita dan menjaga anak saya nanti," katanya.

Bagi Mar (bukan nama sebenar) pula, hubungan tanpa kerelaan membuatkan dia tertekan kerana mendapati dirinya hamil.

Mar yang dirogol lelaki yang tidak dikenalnya kini mahu melupakan episod hitam dalam hidupnya dan meneruskan pelajaran untuk masa depannya.

"Saya bernasib baik kerana ibu bapa sentiasa memberi sokongan dan mendaftarkan saya ke Sekolah Harapan," katanya.

Menurutnya, sekolah yang diperkenalkan oleh kenalan ibu bapanya itu memberi peluang kedua kepada remaja yang senasib dengannya untuk meneruskan kehidupan.



Ibu bapa pelajar yang ditemuduga kakitangan Sekolah Harapan.

Baby Hatch atau Sekolah Harapan

SAMA ada Baby Hatch (Pusat Jagaan Bayi Tidak Diingini) yang dibuka di negara ini, Mei lalu ataupun Sekolah Harapan, ia adalah antara pilihan kepada bayi yang tidak dirancang kelahirannya daripada menjadi mangsa pembuangan yang berakhir dengan kematian.

Bagaimanapun, bagi Pengurus Negeri Persatuan Kesihatan Reproduktif Melaka, L Mehala, kedua-duanya bukan penyelesaian total kepada masalah pembuangan bayi ataupun kehamilan luar nikah yang berlaku di negara ini.

"Kedua-dua penubuhan institusi ini ada kebaikannya. Sekurang-kurangnya mereka yang terlibat mempunyai pilihan dan tahu ke mana arah untuk dituju selepas terlanjur.

"Baby Hatch misalnya, tanpa mendedahkan identiti, bayi yang dilahirkan boleh diletakkan di inkubator yang disediakan dan bayi berkenaan pastinya akan diambil oleh pasangan yang tiada anak sebagai anak angkat.

"Sekurang-kurangnya bayi ini

akan mempunyai penjaga daripada dibuang dan menjadi habuan semut," katanya.

Menurutnya, Sekolah Harapan juga alternatif terbaik kepada si ibu yang masih bersekolah untuk meneruskan pelajaran selepas hamil, sama ada setelah atau sebelum bernikah.

Namun Mehala berpendapat, berkahwin dalam usia muda juga bakal mendatangkan pelbagai masalah kepada pasangan lantaran sikap yang kurang matang dalam membuat keputusan.

"Masalah lain akan timbul seperti penceraian dan masalah rumah tangga. Ini mungkin terpaksa dihadapi dan anak yang lahir juga menjadi mangsa. Akan tetapi dua alternatif ini tetap memberi kesan baik," katanya.

Justeru katanya, persatuan itu berpendapat, pendidikan kesihatan reproduktif adalah jalan terbaik bagi mengelakkan kehamilan tidak dirancang.

Menurutnya, kebanyakan remaja yang berjinak-jinak dengan cinta tidak pernah

menjadikan seks sebagai agenda utama mereka, selain daripada mahu merasai nikmat kasih sayang antara lelaki dan wanita.


"Bagi remaja wanita yang tidak bersedia, mereka tidak mempunyai kemahiran untuk menolak selain menerima hingga terjadinya kehamilan yang tidak dirancang. Sedangkan jika mereka mempunyai pengetahuan luas mengenai seks serta cara melindungi diri daripada hamil, maka segalanya boleh berjalan lancar tanpa adanya kelahiran yang tidak dirancang," katanya.

Mehala berkata, persatuannya sendiri menyediakan klinik kesihatan reproduktif bagi remaja yang mahu mendalami kemahiran berkaitan seks.

'Tidak' atau 'saya belum bersedia'

Kebanyakan wanita yang mempunyai hubungan menghadapi masalah menolak ajakan seks teman lelaki.

Jika perkara ini berlaku maka jalan keluar akan menjadi jalan



● Aktiviti yang dijalankan Persatuan Kesihatan Reproduktif Melaka mengenai cara menangani hubungan seks untuk mengelak kehamilan tidak diingini.

yang buntu akibat kehamilan tidak terjangkau berlaku.

Mehala berkata, maka jawapan untuk situasi itu adalah wanita perlu berani untuk mengatakan hubungan terjejas.

"Remaja perempuan kebanyakannya mahukan hubungan tetapi tidak bersedia untuk seks. Selain daripada kekangan agama, seks yang mereka fikirkan hanya untuk wanita berkahwin.

"Namun desakan tanpa

dijangka oleh teman lelaki boleh datang dan kadangkala dengan ugutan mereka akan ditinggalkan," katanya.

Menurutnya, bagi yang menghadapi situasi seumpama itu, cuba memberi alasan, "saya hanya mahukan satu hubungan, tetapi tidak bersedia untuk satu hubungan seks,"

"Ini mungkin boleh menyelamatkan keadaan atau sekurang-kurangnya boleh mengelak atau melambatkan seks dari berlaku," katanya.